KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	014.03.22	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	JMG			

Tiada kesan serius runtuhan kali kedua

PETALING JAYA: Gelongsoran tanah dilaporkan berlaku di kawasan tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 di sini Jumaat lalu tidak melibatkan sebarang kejadian serius.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, kejadian gelongsoran tanah yang agak besar itu dikesan berlaku kira-kira pukul 7 malam, kelmarin.

Menurut beliau, kejadian itu dipercayai berlaku di lokasi sama kejadian tanah runtuh pada Khamis lalu, namun, tidak membabitkan sebarang kemalangan atau kemusnahan harta benda.

"Bagaimanapun, kejadian ini dikhuatiri memberi kesan kepada satu deretan kediaman di Taman Bukit Permai yang terletak di atas bukit dan berada hampir dengan kawasan tanah yang runtuh.

"Ini kerana, kajian Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) mendapati kedudukan tanah tidak stabil dan boleh menjejaskan keselamatan penduduk di situ," katanya di sini semalam.

Menurutnya, susulan itu, polis dan pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengadakan rundingan dengan penduduk dan memutuskan 15 rumah di situ diarahkan dikosongkan dan penduduk berpindah sementara untuk keselamatan mereka.

Tambahnya, ujian kajian kestabilan tanah pada masa ini masih dijalankan oleh pasukan teknikal terdiri daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM), JMG dan MPAJ.